

Ahli Parlimen PAS dakwa Umno di belakang rampasan Bible di Selangor
Malaysian Insider
June 22, 2014
Oleh Diyana Ibrahim

Ahli Parlimen PAS menuduh Umno merupakan dalang di sebalik rampasan kontroversi kitab Bible bahasa Melayu dan Iban oleh Jabatan Agama Islam (Jais) Januari lalu.

Ahli Parlimen Shah Alam Khalid Samad berkata Jais langsung tidak kena mengena dengan Pakatan Rakyat (PR).

"Umno yang sudah hilang kuasanya kepada kerajaan negeri mahu mengembalikan pengaruh mereka menerusi pintu belakang menggunakan Majlis Agama Islam Selangor (Mais).

"Ketua Pengarah Mais dilantik Istana dan Datuk Mohamad Adzib merupakan ahli Umno," katanya dalam satu program di Bukit Gelugor, Pulau Pinang semalam.

Pada 2 Januari lalu, Jais merampas 321 kitab Bible bahasa Melayu dan Iban daripada Persatuan Bible Malaysia (BSM) dan baru-baru ini menyerbu majlis perkahwinan pengantin Zarina Abdullah Majid di kuil Hindu kerana status agamanya.

Meskipun Peguam Negara mengeluarkan arahan supaya menutup kes tersebut, Mais dan Jais bagaimanapun enggan melakukan demikian.

Ia menyebabkan Sultan Selangor bertitah supaya Jais merujuk hal pemulangan kitab Bible kepada pendakwaraya dan mahkamah agar dapat menentukan sama ada ia dapat dikembalikan atau tidak.

Khalid yang merupakan bekas Timbalan Pesuruhjaya PAS Selangor mendakwa Mais yang mengarahkan rampasan kitab Bible tersebut serta serbuan ke atas perkahwinan Zarina.

Beliau berjanji akan berusaha untuk memastikan kerajaan Selangor tidak memberikan kuasa eksekutif kepada Mais untuk mengarah Jais.

"Terdapat motif politik di sebalik tindakan tersebut. Mereka mahu rakyat Selangor memikirkan ia tidak akan berlaku sekiranya ditadbir Barisan Nasional, dan ia merupakan salah PAS.

"Tetapi apabila PAS dan menteri besar mengarah Jais supaya memulangkan kitab Bible, jabatan itu akan menolak. Ia seperti bersembunyi di sebalik Istana melalui Mais," kata Khalid.

Khalid berkata PAS menentang tindakan Mais dan Jais itu kerana berpendapat setiap agama harus dihormati.

"Orang akan menuduh saya cuba membela masyarakat bukan Islam, tetapi saya berkata demikian bukan kerana memihak mereka.

"Saya hanya membela Islam kerana Islam mengajar kita menghormati semua agama dan rumah berhala mereka," katanya. – 22 Jun, 2014.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/ahli-parlimen-pas-dakwa-umno-di-belakang-rampasan-bible-di-selangor>